Salur kepada golongan B40, M40 dan rakyat yang amat memerlukan

PM: Agih semula subsidi

UM - 14/12/2022 m/s: 1 & 2

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia mesti menyalurkan semula subsidi pukal yang turut memanfaatkan golongan mahakaya dan konglomerat ke arah menopang atau menyokong kumpulan B40, M40 dan peniaga kecil yang amat terkesan dan memerlukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebagai contoh, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai hampir 10 juta pengguna tetapi 10 peratus daripada angka itu iaitu satu juta pengguna yang meliputi kumpulan konglomerat menikmati lebih 50 peratus subsidi elektrik.

Justeru tegas beliau, jabatan-jabatan kerajaan mesti merangka serta membangun wahana bersesuaian bagi melaksanakan subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri serta memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan kebijakan ini.

Perkara itu disampaikan beliau ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) Bil. 4 untuk tahun 2022, di sini semalam.

Pada saat ini kata Perdana Menteri, isu bekalan menjadi tumpuan utama kerajaan kerana kekurangan bekalan akan memberi dampak yang buruk.

"Justeru kerajaan akan mempertimbang untuk meneliti kaedah campur tangan kerajaan di peringkat pengguna.

"Mesyuarat NACCOL membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan beberapa ikhtiar disyorkan dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan Kabinet akan membuat keputusan esok (hari ini)," katanya dalam kenyataan semalam.

Bersambung di muka 2

ANWAR Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) Bil. 4 untuk tahun 2022 di Putrajaya semalam. – PEJABAT PERDANA MENTERI

PM: Agih semula subsidi

Dari muka 1

Menurut Perdana Menteri, sebanyak tiga kertas dibentangkan dalam mesyuarat berkenaan yang mengupas isu, tantangan dan strategi secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Perladangan dan Komoditi.

Laporan-laporan itu katanya, bertujuan mendapatkan pandangan awal daripada pemegang taruh berkaitan terutamanya pemain industri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili hak pengguna.

"Kerajaan juga konsisten dalam membangun serta mendukung pembangunan industri yang mampan," katanya.

Anwar berkata, mesyuarat tersebut juga membincangkan mengenai isu yang dibangkitkan pada mesyuarat khas lalu yang mana beliau sendiri memberikan masa selama dua minggu kepada kementerian terbabit untuk membentangkan semula kertas yang komprehensif setelah mengadakan sesi libat urus dengan pihak yang terlibat.

Dalam pada itu, Anwar berkata, sektor penternakan negara telah lama mencapai tahap yang mampan untuk memenuhi permintaan tempatan dan berupaya untuk mengeksport.

Untuk itu kata beliau, kerajaan berhasrat memudahkan industri ini untuk mengeksport ke luar produk mereka serta memastikan sektor peternakan menghasilkan bekalan yang cukup untuk keperluan rakyat.

Ini termasuk menjamin bantuan yang lebih besar dan bersasar, terutamanya kepada pengusaha tempatan.